

EDISI JAN – JUN 2023

CETUSAN

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & ALAM BINA

**FAKULTI
KEJURUTERAAN AWAM
DAN ALAM BINA**

**FAKULTI KEJURUTERAAN
AWAM DAN ALAM BINA
FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND ENVIRONMENT**

FKAAB | *Dengan Hikmah Kita Meneroka*



Fkaab UTHM



Fkaab UTHM
Johor Malaysia



<http://fkaab.uthm.edu.my>

EDISI **JAN - JUN 2023**

CETUSAN

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & ALAM BINA

ISI KANDUNGAN

Akademik	05
Penyelidikan dan Inovasi	17
Aktiviti Pelajar	39
Staff FKAAB	57
Komuniti (CSR / KTP / SULAM)	61

PASUKAN CETUSAN FKAAB

Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Irwan Bin Juki	<i>Penasihat</i>
Prof. Madya Ts. Dr. Rafidah Binti Hamdan	<i>Pengerusi</i>
Prof. Madya Ts. Dr. Azeanita Binti Suratkon	<i>Timbalan Pengerusi</i>
Encik Khairul Asyraf Bin Mohd Rodzi	<i>Ketua Editor</i>
Dr. Junaidah Binti Jailani	<i>Senior Editor</i>
Ts. Dr. Tong Yean Ghing	<i>Senior Editor</i>
Dr. Basil A/I David Daniel	<i>Senior Editor</i>
Puan Siti Khalijah Binti Yaman	<i>Editor</i>
Puan Nadiyah Binti Noor Hisham	<i>Editor</i>
Encik Mohd Khairi Bin Zainal	<i>Editor</i>
Puan Norita Binti Samsudin	<i>Editor</i>
Puan Jalilah Binti Md Mohtar	<i>Ketua Pereka Grafik</i>
Puan Norkama Azura Binti Dolah	<i>Pereka Grafik</i>





AKADEMIK

PROJEK SULAM KIDSAFE ANTARABANGSA, FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA, UTHM, ERATKAN HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN UNIVERSITAS MERCU BUANA

Program SULAM KidSafe anjuran bersama Pusat Penyelidikan Pemanduan Bijak, Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina (FKAAB) ,UTHM dengan Universitas Mercu Buana, Indonesia, buat pertama kalinya telah di adakan di Jawa Barat Indonesia pada 8 Mei 2023, baru-baru ini. Program antarabangsa ini telah diadakan di Madrasah Ibtidaiyah Alam Robbani, Kota Bks, Jawa Barat Indonesia.

Seramai 22 orang siswa FKAAB dan siswa Universitas Mercu Buana (10 dari FKAAB dan 12 dari UMB) berganding bahu melaksanakan program SULAM KidSafe yang dihadiri oleh hampir 60 murid dari Madrasah Ibtidaiyah Alam Robbani. Program ini merupakan kaedah pengajaran berasaskan kelas kepada komuniti yang dijalankan dalam suasana pembelajaran aktif luar kelas. Matlamat utama SULAM KidSafe ini adalah untuk menggalakkan siswa UTHM dan UMB supaya kreatif dan inovatif untuk menyumbang dan berkongsi pengetahuan mereka berkaitan keselamatan jalan raya

kepada masyarakat. Melalui kaedah ini, siswa juga dapat menggunakan dan mempertingkatkan kemahiran kognitif, psikomotor dan afektif untuk berkomunikasi secara berkesan dan bekerja dalam satu pasukan. Bukan itu sahaja, malah pelajar juga dapat mengaplikasikan ciri-ciri kepimpinan dan bakat yang mereka ada dengan lebih yakin untuk melaksanakan tugas projek yang diberikan secara efektif dan berinovasi.

Pelaksanaan SULAM KidSafe merupakan usaha untuk merapatkan hubungan universiti bersama komuniti setempat melalui program perkongsian ilmu di samping menyemai disiplin dan pengetahuan keselamatan jalan raya. Ini secara langsung dapat mempamerkan komitmen pelajar sebagai duta UTHM terhadap isu kemalangan jalan raya yang menjadi isu penting berlaku di Batu Pahat, Johor. Program ini juga telah mengeratkan hubungan diantara UTHM dan UMB dan diharapkan program ini dapat dilaksanakan seterusnya pada masa hadapan.



PROGRAM PELAJAR JABATAN SENIBINA UTHM BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Tarikh : 19 Mac 2023
Tempat : MP Sepang
Penglibatan : 28 pelajar Thn 2 Program
Senibina

Jabatan Senibina, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mengadakan pertemuan bersama Majlis Perbandaran Sepang (MPS) serta lawatan tapak bagi tujuan pengajian kursus.

Seramai 28 orang pelajar Tahun Dua Program Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina bersama 3 Pensyarah kursus, iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Izudinshah bin Abd Wahab, Ts. Dr. Noor Dina binti Md Amin, dan En. Khairul Asyraf bin Mohd Rodzi, telah terlibat dalam program ini.

Program ini dimulakan dengan sesi taklimat yang telah dijalankan di pejabat MPS yang terletak di Cyberjaya, Selangor. Taklimat tersebut diberikan oleh Tuan Sulaiman bin Abi Hashim selaku Pengarah di Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang, selain dibantu oleh Pn. Syaidatul Hanim binti Saharudin daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap, serta Pn. Atikah Hanum binti Zainan Hamzan. Program ini dijalankan di bawah kursus Studio Senibina 04 yang mana para pelajar didedahkan dengan perancangan pembangunan yang digariskan oleh MPS.

Kursus Studio Senibina 04 ini dijalankan bagi Semester 02 Sesi 2023/2024, yang dijangka akan berakhir pada Julai 2023. Untuk semester kali ini, para pelajar dikehendaki untuk mengemukakan proposal reka bentuk skematik projek Terminal Pengangkutan Awam Dengkil kepada MPS. Taklimat daripada MPS ini sekaligus dapat membantu pelajar memahami kehendak-kehendak yang diperlukan dalam rekabentuk projek berkenaan, selain memberi perkongsian idea reka bentuk kepada pihak MPS. Pelajar didedahkan dengan keperluan ruang dan garis panduan yang ditetapkan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), selain kepentingan untuk para pelajar mengemukakan rekabentuk lestari (sustainable design) dan reka bentuk sejagat (universal design) dalam proposal yang akan dikemukakan kelak.

Pelajar juga dibawa ke Terminal Bersepadu Selatan (TBS) serta tapak yang mana projek tersebut bakal dibangunkan. Lawatan tapak telah dijalankan bagi memberi kefahaman kepada pelajar tentang konteks reka bentuk selain memberi pendedahan tentang budaya praktis di industri. Program ini diakhiri dengan lawatan ke beberapa contoh senibina yang baik di sekitar Selangor seperti Tamarind Square Cyberjaya dan Masjid Raja Haji Fisabilillah.




TAKLIMAT BLENDED LEARNING

Tarikh : 21 Mac 2023
Masa : 9.00am
Tempat : Bilik Seminar 1 (Aras 1)
Panel : Ts. Dr. Sabariah Musa
Peserta : Staf akademik FKAAB

Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) telah mengadakan taklimat Blended Learning pada 21 Mac 2023 dan dirasmikan oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) FKAAB, Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Haziman Wan Ibrahim. Ts. Dr. Sabariah Musa selaku Ketua Jabatan Pembangunan Pembelajaran MAYA UTHM telah dijemput sebagai panel pembentang dalam taklimat ini. Hampir 30 orang staf

akademik telah menghadiri taklimat ini. Objektif utama taklimat ini diadakan ialah untuk meningkatkan kefahaman di kalangan staf akademik tentang definisi sebenar Blended Learning, kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang boleh digunakan dalam Blended Learning, serta bagaimana untuk mencapai tahap Blended Learning mengikut garispanduan yang dikeluarkan oleh UTHM. Adalah diharapkan bahawa semua staf akademik di fakulti khususnya dan di universiti amnya boleh melaksanakan kursus-kursus mereka secara Blended Learning supaya kaedah PdP menjadi lebih menarik dan bermanfaat kepada para pelajar.





GEOLOGICAL ENGINEERING FIELD WORK CAMPS SEM 2 SESSION 2022/2023: SG. LEMBING, KUANTAN AND MERSING GEOPARK RANGE, JOHOR



On December 2022, a total of 227 students from the Faculty of Civil Engineering and Built Environment who registered in Engineering Geology subject (BFC21303) in Semester 2 Session 2022/2023 were involved in a series of geological engineering field work camps located in Sg Lembing, Kuantan and Mersing GEOPARK Range, Johor. The first and second trips were conducted in Sg Lembing from 8 to 10 May, and 11 to 13 May 2023, respectively. The third trip was conducted in Mersing from

19-20 May 2023. Each trip involved 70 to 75 students from various class sections.

The students have been divided into three main groups which involve 75 to 76 students each group has been guided by six lecturers led by Ts Dr. Mohd Firdaus bin Md Dan @ Azlan as the coordinator of the Engineering Geology subject and advisor of the program, supported by Dr Faizal bin Pakir.

Lecturers involved as the instructors of this program include the Head of the Civil Engineering Department, Prof Ts Pgeol Dr. Aziman bin Madun, Dr. Faizal bin Pakir, Dr. Nurul Hidayah binti Mohd Kamaruddin, Dr. Mohd Khaidir bin Abu Talib and Ts Mohd Fairus bin Yusof.

The main objective of this program is to expose students to the practical application of engineering geology theory through investigations and field tests. Students were also exposed to identify the rock mass structure and classifying

the degree of rock weathering, measuring discontinuity data as well as analyzing the rock slope stability using the 'stereonet kinematics' method including classifying the quality of the rock mass via the Rock Mass Rating (RMR) and Geological Strength Index (GSI) method based on standard industrial practices. This engineering geology fieldwork camp was designed to prepare graduates with a high knowledge base in engineering geology and its application in the civil engineering field, which aligns with the mission and vision of the faculty and university.



PROGRAM KURSUS PRECAST CONCRETE INSTALLER

Tarikh : 29 November 2022
Masa : 8.30am - 4.30pm
Tempat : IBS Excellent Centre,
KKTU Sri Gading
Peserta : Pelajar Tahun Akhir,
Sarjana Muda Kejuruteraan
Awam

FKAAB dengan kerjasama Pusat Pembangunan Pelajar (PBP), UTHM telah melaksanakan satu program khusus bagi peningkatan kemahiran dan pembangunan pelajar melalui pelaksanaan 'Kursus Precast Concrete Installer'. Program ini dapat menghasilkan individu berkemahiran pembelajaran sepanjang hayat (lifelong learning) dalam bidang IBS. Program ini telah dijalankan bersama pihak IBS Excellence Centre (IEC), KKTU Sri Gading, yang merupakan Pusat Latihan Bertauliah (PLB) yang dilantik oleh Lembaga Pembangunan

Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Program ini telah dilaksanakan selama 1 hari di mana para peserta diberi latihan teori berkaitan IBS, diikuti latihan praktikal berkaitan pemasangan komponen konkrit pratuang. Seramai 60 pelajar tahun akhir Program Sarjana Muda Kejuruteraan Awam telah terlibat yang terdiri daripada mereka yang mendaftar kursus BFP40603 (Industrialised Building System) pada Semester 1 Sesi 2022/2023 dan juga pelajar tahun akhir FKAAB.

Justeru, program ini diharapkan dapat menghasilkan graduan yang berilmu dan berkemahiran tinggi berkenaan IBS, dan seterusnya dapat memberi nilai tambah serta meningkatkan kebolehpasaran graduan.





BE SMART, GRADUATE ON TIME

Date : 24 May 2023
Time : 10.00 am - 1.00 pm
Venue : Meeting Room 1, Fkaab & Microsoft Team
Presenter : Professor Ir. Dr. Ramli Nazir
Participants : 28

BE SMART, GRADUATE ON TIME was held on 24 May 2023. This short seminar was organized by the Institute for Integrated Engineering (I2E) and RECESS with the cooperation Department of Postgraduate Studies, Faculty of Civil Engineering & Built Environment (FKAAB), Civil Engineering & Built Environment Postgraduate Students (CiBPS), and GEOTROPIK UTM. They were sharing knowledge and experience by a guest speaker in helping students how to study smart and graduate on time.





PENYELIDIKAN & INOVASI

GERAN, ANUGERAH, DAN SIJIL PROFESIONAL FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA (FKAAB)

Fakulti juga merakamkan ucapan tahniah buat penerima geran, anugerah inovasi, dan sijil profesional sepanjang Januari sehingga Jun 2023. Geran yang diterima termasuk: Toshiba Grant, Community

Grant, Industrial Grant, dan Tier 1 Grant. Terdapat juga staf yang berjaya menghasilkan industrial design selain 2 staf fakulti yang telah dianugerahkan medal award dalam Innovation Exposition.

TOSHIBA GRANT



UTHM 30

Congratulations

ASSOC. PROF. Ts. ChM. Dr. RADIN MAYA SAPHIRA BINTI RADIN MOHAMED

for receiving Grant
Toshiba International Foundation (TIFO)
 (USD 10,709.94)
 (13th March 2023 - March 2024)

sincerely
 FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Global Technopreneur University 2030

COMMUNITY GRANT



UTHM 30

Congratulations

**Ts. Dr. MOHD ARIFF BIN AHMAD NAZRI
 Dr. NOR AMANI FILZAH BINTI MOHD KAMIL
 Dr. SITI HIDAYAH BINTI ABU TALIB
 Dr. MUHAMMAD SALLEH BIN HAJI ABUSTAN**

for receiving
Iskandar Puteri Community Grant
 for
Rendah Karbon 3.0 - River Rangers @ Iskandar Puteri
 (RM 21,000.00)

sincerely
 FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Global Technopreneur University 2030

INDUSTRIAL GRANT



UTHM 30

Congratulations

Ar. Mohd Jamil Mohd Hamberi

for receiving Industrial Grant
Haizi Corporation (M) Sdn. Bhd.
 (Total RM 20,000.00)

Sincerely
 FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Global Technopreneur University 2030



UTHM 30

Congratulations

Ir. ChFM. Dr. MOHD NORAZAM BIN YASIN

for receiving Industrial Grant
Syarikat Edge Millennium Sdn Bhd
 (RM30,000)

sincerely
 FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Global Technopreneur University 2030

FKAAB | Dengan Hikmah Kita Meneroka



Fkaab UTHM



Fkaab UTHM
 Johor Malaysia



<http://fkaab.uthm.edu.my>

TIER 1 GRANT

1. Kluster Infrastruktur dan Kejuruteraan Geomatik.
2. Kluster Struktur dan Kejuruteraan Bahan.
3. Kluster Bangunan dan Kejuruteraan Pembinaan.
4. Kluster Air dan Kejuruteraan Alam Sekitar.
5. Jabatan Senibina.



Congratulations

Cluster of Infrastructure & Geomatic Engineering

Assoc. Prof. Dr. Munzilah binti Md Rohani
 Assoc. Prof. Sr Ts. Dr. Mustaffa bin Anjang Ahmad
 Assoc. Prof. Sr Dr. Mohd Effendi bin Daud
 Assoc. Prof. Ts. Dr. Alvin John Lim Meng Siang
 Dr. Mohammad Nasir bin Mohamad Taher
 Dr. Basil A/L David Daniel
 Ts. Dr. Mohd Firdaus bin Md Dan e Azlan
 Dr. Mohd Khaidir bin Abu Talib
 Dr. Faizal bin Pakir
 Mr. Khairul Nizam bin Mohd Yunus
 for being granted

Tier 1 Grant (Total RM200,000.00)

Sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Fkaab UTHM | Fkaab UTHM Johor Malaysia | <http://fkaab.uthm.edu.my> | Global Technopreneur University 2030



Congratulations

Cluster of Structural & Materials Engineering

Assoc. Prof. Ir. Dr. Norwati binti Jamaludin
 Assoc. Prof. Dr. Hilton e Mohd Hilton bin Ahmad
 Ir. Dr. Muhammad Nizam bin Zakaria
 Dr. Nor Hayati binti Abd Ghafar
 Dr. Abdullah Faied Abdulaziz Al-Shalif
 Dr. Masni binti A. Majid
 Dr. Tuan Norhayati binti Tuan Chik
 Dr. Nor Hazuriza binti Othman
 Dr. Nurazuwa binti Md Noor
 Ts. Dr. Seyed Jamalaldin Seyed Hakim
 for being granted

Tier 1 Grant (Total RM 200,000.00)

Sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Fkaab UTHM | Fkaab UTHM Johor Malaysia | <http://fkaab.uthm.edu.my> | Global Technopreneur University 2030



Congratulations

Cluster of Building & Construction Engineering

Assoc. Prof. Ts. Dr. Norhaslinda binti Abas
 Dr. Mohd Azuan bin Zakaria
 Dr. Sushilawati binti Ismail

for being granted

Tier 1 Grant (Total RM 60,000.00)

Sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Fkaab UTHM | Fkaab UTHM Johor Malaysia | <http://fkaab.uthm.edu.my> | Global Technopreneur University 2030



Congratulations

Cluster of Water & Environmental Engineering

Assoc. Prof. Ts. Dr. Zawawi bin Daud
 Assoc. Prof. Dr. Nur Shaylinda binti Mohd Zin
 Ts. Dr. Roalinda binti Seswoya
 Dr. Siti Hidayah binti Abu Talib
 Dr. Mohd Baharudin bin Ridzuan
 Ts. Dr. Mohd Ariff bin Ahmad Nazri
 Dr. Muhammad Salleh bin Abustan
 Mrs. Zarina binti Md Ali
 Mr. Wan Afnizan bin Wan Mohamed e Wan Abd Ghani

for being granted

Tier 1 Grant (Total RM 180,000.00)

Sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Fkaab UTHM | Fkaab UTHM Johor Malaysia | <http://fkaab.uthm.edu.my> | Global Technopreneur University 2030



Congratulations

Department of Architecture

Ts. Dr. Noor Dina binti Md Amin
 Ar. Hazri bin Abdul Aziz

for being granted

Tier 1 Grant (Total RM40,000.00)

Sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Fkaab UTHM | Fkaab UTHM Johor Malaysia | <http://fkaab.uthm.edu.my> | Global Technopreneur University 2030

INDUSTRIAL DESIGN



UTHM 30
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Congratulations

PROF. Ts. Dr. AESLINA BINTI ABDUL KADIR

for being granted industrial design for

**Recycle Bin
MY-22-EI089-0101
(17th January 2023)**

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

  Fkaab UTHM  Fkaab UTHM Johor Malaysia  <http://fkaab.uthm.edu.my> 

MEDAL AWARD



UTHM 30
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Congratulations

Ts. Dr. Zeety binti Md Yusof,
Dr. Nurain Izzati binti Mohd Yassin,
Dr. Nur Ain binti Ebas & Dr Toh Yoke Tong

for being awarded

BRONZE MEDAL AWARD
(Performance Settlement of Hydrated Lime -
Pond Ash Treated Peat Soil)

in

CREATION, INNOVATION, TECHNOLOGY & RESEARCH
EXPOSITION (CITREX 2023)

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

  Fkaab UTHM  Fkaab UTHM Johor Malaysia  <http://fkaab.uthm.edu.my> 



UTHM 30
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Congratulations

**KHAIRUL ASYRAF BIN MOHD RODZI
TS. SOFFIAN BIN OSMAN
SUHAILAH BINTI M MOHD SIRAJ**

for being awarded

SILVER MEDAL AWARD
(Addressing Security and Architecture
Through Development of Innovative Housing
Window in Malaysia)

in

EREKA EXPOSITION (UNIMAP 2023)

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

  Fkaab UTHM  Fkaab UTHM Johor Malaysia  <http://fkaab.uthm.edu.my> 



BENGGEL HARTA INTELEK ANJURAN JKPI FKAAB 2023

Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) telah menganjurkan satu bengkel harta intelek pada 10 Mei 2023. Bengkel ini dijalankan di Bilik Mesyuarat 1 FKAAB dan telah dihadiri seramai 14 orang staf akademik. Tujuan utama bengkel ini adalah untuk meningkatkan kefahaman staf akademik mengenai proses pemfailan harta intelek serta sesi hands-on untuk mengisi dokumen. Penceramah utama, Dr Nor Hazurina binti Othman turut berkongsi pengalaman beliau dalam menyiapkan dokumen harta intelek secara terperinci. Hasil daripada bengkel ini, sebanyak 8 permohonan harta intelek telah berjaya dihantar kepada Pusat Inovasi dan Pengkomersialan UTHM. Pihak fakulti merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr Hazurina yang telah membantu dalam usaha meningkatkan bilangan harta intelek fakulti. Semoga pencapaian yang baik ini akan terus berkekalan dari semasa ke semasa.

LAWATAN JALINAN KERJASAMA PENYELIDIKAN ANTARABANGSA KE UNIVERSITY OF LEEDS, UNIVERSITY OF BRADFORD, DAN UNIVERSITY OF EAST LONDON, ENGLAND, UNITED KINGDOM

Lawatan jalinan kerjasama penyelidikan antarabangsa untuk aktiviti jaringan antarabangsa geran penyelidikan Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP) bertajuk Research Consortium for Wastewater Resource Recovery (RCWRR) yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah dilaksanakan di University of Leeds, University of Bradford, dan University East London bermula pada 27 Mei sehingga 9 Jun 2023. Lawatan ini telah diwakili oleh Ketua Pusat penyelidikan dibawah Institut Kejuruteraan Integrasi, UTHM iaitu Micropollutant Research Centre (MPRC), Professor Madya Dr. Radin Maya Saphira Binti Radin Mohamed dan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Penerbitan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) yang juga penyelidik utama MPRC, Professor Madya Dr. Rafidah Binti Hamdan.

Lawatan rasmi fasa pertama di University of Leeds, England telah dimulakan dengan sesi perbincangan bersama Professor Barbara Evans, Dr, Louise Fletcher dan Dr. Maryam Asachi daripada Fakulti Kejuruteraan Awam dan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Proses. Selain itu, perjumpaan secara maya juga telah diadakan bersama Dr. Cynthia dari kumpulan BioResource sebelum lawatan makmal dan kemudahan diadakan seperti

Makmal Bahan, Makmal Analisis dan Makmal Kejuruteraan Kesihatan Awam.

Seterusnya, perjumpaan jalinan kerjasama penyelidikan bersama Pusat Alam Sekitar Lestari di University of Bradford, England telah diadakan bagi mencari potensi kerjasama antarabangsa melalui sesi pembentangan yang di sampaikan oleh kedua-dua penyelidik UTHM mengenai penyelidikan oleh FKAAB dan juga kajian berkenaan pemuliharaan sumber air kumbahan dan ekonomi sirkular yang dijalankan di FKAAB dan MPRC. Pembentangan ini juga telah dihadiri oleh Professor Martin, Professor Felician Compean, Professor Alastair Wood dan kakitangan Fakulti Kejuruteraan dan Sains Maklumat di universiti tersebut.

Fasa akhir lawatan ini telah di adakan di Fakulti Senibina, Komputer dan Kejuruteraan di University of East London, kampus Docklands. Perundingan ini bertujuan bagi membincangkan potensi kerjasama di masa hadapan khususnya dalam bidang penyelidikan yang berkaitan di FKAAB dan MPRC. Selain itu, sesi perkongsian pengalaman oleh Dr. Jawed Qureshi juga telah diadakan bersama kumpulan penyelidikan beliau serta lawatan makmal kejuruteraan awam.



BENGGKEL STRATEGI MENINGKATKAN H-INDEKS

Tarikh : 26 Jun 2023
Masa : 9:00am - 4:30pm
Tempat : Bilik Mesyuarat 1, FKAAB

Pada 26 Jun 2023 yang lalu, bertempat di Bilik mesyuarat 1, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAB), UTHM, satu bengkel Strategi Meningkatkan H-Indeks telah diadakan di peringkat fakulti anjuran Komiti Inovasi dan Penyelidikan, RECESS dan FKAAB.

Objektif utama bengkel ini diadakan bertujuan mengenalpasti strategi bagi meningkatkan nilai H-Indeks dikalangan pensyarah dan penyelidik di FKAAB, khususnya.

Profesor Madya Dr Ramadhansyah Putra Jaya dari Universiti Malaysia Pahang telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan strategi meningkatkan H-Index. Beliau merupakan salah seorang penyelidik aktif dengan penerbitan lebih dari 450 artikel berindex SCOPUS dan mempunyai h-index semasa SCOPUS 27 dan Web of Sciences 23. Beliau pernah dianugerahkan "Global Top Reviewers in Materials Science Award" dari Web of Science (USA) pada tahun 2020 dan penerima anugerah "the World's Top 2% Scientist" oleh United States-based

Stanford University dan Elsevier B.V. pada 2022. Seramai lebih dari 50 orang peserta telah terlibat dalam bengkel ini samada bersemuka mahupun atas talian melalui platform Microsoft Teams termasuk pensyarah dan pelajar dari UTHM dan dari luar UTHM.

Bengkel bermula dari 10 pagi sehingga 4.40 petang merangkumi pengenalan dan perkongsian kaedah sitasi bagi meningkatkan H-Indeks, Penerbitan melalui Web of Science (WOS), SCOPUS, Citation Database, Google Scholar, ResearchGate termasuk jenis-jenis penerbitan yang boleh meningkatkan sitasi. Dr Ramadhan juga berkongsi tentang 10 strategi meningkatkan sitasi dalam penerbitan artikel melalui beberapa platform seperti ResearcherID, Wikipedia, academia.com, Loop, ResearchGate, SciProfiles, Google Scholar, ORCID, KUDOS dan LinkedIn. Penceramah turut berkongsi strategi untuk meningkatkan kebolehterbitan artikel di journal yang berimpak tinggi. Hasil daripada bengkel ini dijangkakan pensyarah dan penyelidikan FKAAB dapat meningkatkan nilai H-Indeks pada penghujung tahun 2023





STRATEGIES TO INCREASE H-INDEX

Monday | 26th June 2023
09:00am – 4:30 pm

Microsoft Teams: (Scan QR Code)

Speaker:
Assoc. Prof Dr. Ramadhansyah Putra Jaya
Universiti Malaysia Pahang





RESEARCH & INNOVATION COMMITTEE
RECESS
FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

 Fkaab UTHM
  Fkaab UTHM
  Fkaab UTHM
  <http://fkaab.uthm.edu.my>





WEBINAR (MODERN LIFE, NOISE LIFE, ENVIRONMENTAL NOISE AND INNOVATION NOISE MITIGATIONS) VIBRATION, ACOUSTICS AND SOUND TESTING SPECIALIST (VASTEST) FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA

Tarikh : 20 Jun 2023
Masa : 3.00pm – 4.00pm
Tempat : Microsoft Teams
Panel : **Speaker:**
Dr. Louisa Cheung Liu Yee
(SLR Consulting Australia
PTY LTD)
Moderator:
Ir. Ts. Dr. Tong Yean Ghing
Peserta : 81 peserta (pelajar dan
staf)

Satu webinar yang dianjurkan oleh focus group Vibration, Acoustics and Sound Testing Specialist (VASTest) telah diadakan secara maya pada 20 June 2023 petang. Penceramah (Dr Louisa Cheung) merupakan pakar dalam Bangunan Akustik, Penilaian Kesan Bunyi, Reka Bentuk & Pengujian Tingkat Akustik dan Reka Bentuk Perkhidmatan Bangunan. Webinar dimulakan dengan pengenalan tentang jenis-jenis pencemaran bunyi yang berlaku di sekeliling terutamanya di bandar-bandar yang sibuk. Seterusnya, beliau juga menerangkan kesan buruk pencemaran bunyi ini kepada penduduk setempat dan masalah yang dihadapi oleh penduduk sekeliling. Dalam webinar tersebut, beliau telah berkongsi pengalamannya dalam projek pembangunan tingkat akustik yang telah digunakan secara meluas di bandar-bandar bising seperti Hong Kong. Banyak ilmu pengetahuan yang baru dan maklumat yang terkini telah disampaikan kepada para peserta melalui ceramah tersebut.

Online Webinar

MODERN LIFE,
NOISE LIFE?

ENVIRONMENTAL
NOISE AND
INNOVATION NOISE
MITIGATIONS


Speaker:
DR. LOUISA CHEUNG
ASSOCIATE CONSULTANT,
SLR CONSULTING AUSTRALIA PTY LTD

Organised by:
VASTEST
FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT,
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

UTHM 30
TUESDAY
20 JUNE 2023
3.00 PM
Microsoft Teams
Meeting ID: 436 061 503 532
Passcode: TsNvkk



FKAAB BANTU KEMPEN SEMAKAN ARAH KIBLAT



Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) dengan kerjasama Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah menganjurkan satu kursus asas penentuan arah kiblat sempena National Training Week (NTW) 2023 pada 28 Mei 2023 secara dalam talian. Tujuan utama kursus asas ini ialah untuk memberi pendedahan kepada komuniti berkaitan kaedah-kaedah penentuan arah kiblat.

Pada April 2023, Dato Dr. Nooh Gadut, Penasihat Agama Majlis Agama Islam Negeri Johor memberikan nasihat agar rakyat negeri Johor dapat menyemak arah kiblat di premis dan juga kediaman masing-masing. Ini kerana pemeriksaan

Persatuan Falak Negeri Selangor mendapati daripada 5,000 kediaman atau premis yang diperiksa terdapat 2,000 daripadanya adalah terpesong. Walaupun ianya tidak berlaku di negeri Johor tetapi pihak Jabatan Agama Islam Johor telah mula menggerakkan kempen semakan arah kiblat. Kempen menyemak arah kiblat telah bermula pada awal Mei dengan fasa pertama melibatkan premis kerajaan dan sekolah di semua 10 daerah di Johor.


Arah kiblat didalam Islam, bermaksud tubuh badan seseorang menghadap kearah Kaabah yang terletak di Makkatul Mukarramah. Ia merupakan arah hadap umat Islam untuk menyempurnakan ibadat tertentu seperti Solat, membaca

Al-Quran, penyembelihan korban, perkuburan Islam dan lain lain ibadat sunat. Berijtihad arah kiblat perlu dilakukan bagi menentukan kiblat masjid, surau dan tempat yang hendak dilakukan solat. Bagi kita di Malaysia penentuan arah kiblat ini dilakukan dengan perhitungan falak dan penggunaan peralatan seperti Kompas prismatik dan total station. Arah kiblat juga boleh ditentukan berdasarkan kedudukan matahari dan bintang-bintang di langit yang telah lama diamalkan oleh umat Islam di seluruh dunia.

Bagi negara Malaysia arah kiblat ke Kaabah adalah dari arah 290 – 292 darjah mengikut lokasi paling selatan di Johor dan paling utara di Tawau. Bagi mendapatkan arah kiblat, maka beberapa kaedah digunakan iaitu : 1) Kaedah kiraan matematik, 2) Kedudukan bintang, 3) Matahari terbenam dan juga bayang matahari, 3) Peralatan Kompas prismatik dan total station, 4) Melalui peristiwa Istiwa A'zham, dan 5) Menggunakan Aplikasi Andriod.

Persitiwa Istiwa A'zham berlaku pada 28 Mei dan 16 Julai setiap tahun. Pada Ketika waktu zohor di Makkah kedudukan matahari Ketika itu adalah berada diatas Kaabah dan bayang sesuatu objek di seluruh dunia akan menunjukan kearah Kaabah. Kejadian ini berlaku pada jam 5:18 petang pada 28 Mei yang lepas dan 5:27 petang pada 16 Julai nanti. Kita boleh melihat bayang matahari dengan melihat bayang tingkap di kediaman masing-masing pada Ketika itu. Ini adalah peluang bagi kita untuk menyemak arah kiblat dengan mudah tanpa menggunakan kaedah yang lain.

Kursus asas penentuan arah kiblat di sampaikan oleh Prof. Madya. Sr Dr. Mustaffa bin Anjang Ahmad dan dibantu oleh moderator Sr Dr Nazirah binti Mohamad Abdullah. Kursus telah menarik penyertaan lebih 80 peserta di sekitar Batu Pahat dan dijalankan secara atas talian. Penerangan kaedah penentuan arah kiblat diharapkan dapat membantu peserta untuk menyemak arah kiblat di premis dan kediaman mereka. Teknologi dan kaedah yang diamalkan pada masa ini adalah hasil dari penambahbaikan daripada kaedah-kaedah lama atau yang terdahulu.



DEMOSTRASI ALAT PENGUKURAN AKUSTIK DAN PENCAHAYAAN

Tarikh : 15 November 2022
Masa : 2.00pm – 5.00pm
Tempat : Makmal Perkhidmatan Bangunan
Panel : Ts. Dr. Tong Yean Ghing
En Osman Abdul Rahman
Peserta : Pelajar- pelajar tahun akhir BFF

Satu demonstrasi penggunaan alat pengukuran kualiti akustik (bunyi) dan pencahayaan telah diadakan di Makmal Perkhidmatan Bangunan bagi pelajar yang mengambil kursus BFB 41103 Acoustics and Lighting.

Demonstrasi pengukuran bunyi gema (reverberation time) dan bunyi latar belakang (background noise) yang menggunakan Brüel&Kjær Type 2250 sound level meter, Brüel&Kjær Type 4260 omni-directional sound source dan Brüel&Kjær Type 2734 amplifier telah dijalankan oleh Ts. Dr. Tong kepada pelajar-pelajar bagi membolehkan

mereka memahami alat-alat dan kaedah-kaedah pengukuran. Bunyi gema adalah penting dalam menentukan kualiti bunyi di dalam sesebuah ruang yang tertutup kerana ia akan mempengaruhi kebolehfahaman pertuturan. Jika bunyi gema tinggi (biasanya melebihi 2 saat, kejelasan (clarity) pertuturan / ucapan akan berkurangan. Manakala, bunyi latar belakang yang tinggi pula akan mengganggu pemahaman pertuturan / ucapan di dalam sesebuah ruang.

Selain itu, demonstrasi pengukuran pencahayaan pulak dijalankan oleh En. Osman dengan menggunakan 4 in 1 Meter Kits bagi mengukur pencahayaan illuminance (lux) dalam sesuatu ruang. Pencahayaan bagi setiap ruang adalah bergantung kepada kegunaan ruang tersebut. Pelajar juga diberi pendedahan tentang pemetaan selepas nilai pencahayaan diperolehi.





BENGKEL PENERBITAN ANJURAN JKPI FKAAB 2023

Klinik Penerbitan anjuran Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) telah dijalankan pada 22 Jun 2023 bertempat di Bilik Tayangan Aras 8, FKAAB. Bengkel ini telah dijayakan oleh Professor Sanjung FKAAB iaitu Y.Bhg Prof Ismail bin Abdul Rahman dengan kehadiran seramai 25 orang staf akademik. Selain dari itu, staf yang memerlukan bantuan di dalam penerbitan bagi mencapai KPI geran Tier 1 juga turut dibantu di dalam bengkel ini. Antara objektif utama “Bengkel Penerbitan Jurnal IJSCET” ini dijalankan adalah untuk membantu staf menghasilkan artikel yang berkualiti dan dapat diterbitkan di jurnal berindeks Scopus. Hasil daripada bengkel ini seterusnya akan membantu meningkatkan bilangan penerbitan berimpak tinggi bagi FKAAB. Seterusnya, dijangkakan bilangan sitasi staf juga akan meningkat dengan terdapat peningkatan bilangan penerbitan di dalam jurnal yang berindeks dan berimpak tinggi. Setinggi penghargaan kepada Y.Bhg Prof Ismail bin Abdul Rahman yang sudi berkongsi ilmu kepada warga fakulti. Semoga dengan menjalankan program sebegini akan memupuk minat dan budaya menulis di kalangan staf akan dipertingkatkan.

AKTIVITI INDUSTRI – PELANTIKAN SDRC SEBAGAI PANEL MAKMAL DAN LAWATAN KE MAKMAL KEJURUTERAAN JALANRAYA LANJUTAN OLEH QUL HOLDING (M) SDN BHD

Satu sesi lawatan oleh Qul Hoolding (M) Sdn Bhd berkaitan audit peralatan makmal kejuruteraan jalanraya lanjutan telah diadakan pada hari Selasa 11 hb April 2023. Seramai 3 staff Qul Holding (M) serta 3 staff Fkaab terlibat didalam lawatan tersebut. Tujuan lawatan ini adalah untuk memastikan peralatan pengujian jalanraya berada dalam keadaan baik serta mempunyai sijil kalibrasi bagi menjalankan kerja-kerja pengujian jalanraya. Pihak Qul Holding (M) Sdn Bhd telah melantik Fkaab Consult Sdn Bhd (FCSB) dan Smart Driving Research Center (SDRC) sebagai panel makmal pengujian jalanraya bagi melaksanakan Projek Menaiktaraf dan Melebarkan Jalan-Jalan Kampung Sedia Ada Termasuk Pembinaan Jalan Kampung Yang Baharu di Seluruh Negeri Johor Darul Takzim (PJK6) bagi tahun 2023.



AKTIVITI INDUSTRI- LAWATAN SDRC KE MAKMAL SOUTHERN LAB

Satu sesi lawatan ke makmal Southern Lab di Jalan Kempas Lama, Johor Bahru telah dijalankan pada hari Isnin 12 hb Jun 2023. Seramai 7 staff FKAAB dan 4 staff Southern Lab terlibat didalam lawatan tersebut. Lawatan ini merupakan salah satu aktiviti MoU dan perbincangan berkisar pembangunan modul kursus professional pengurusan kualiti pembinaan jalanraya di Malaysia serta penganjuran kursus –kursus pendek oleh pihak SDRC kepada industri-industri yang terlibat didalam penyelenggaraan jalanraya. Lawatan tersebut selesai pada pukul 1.00 tengahari.



'FRGS MATTERS'

Sesi perkongsian di dalam bengkel "FRGS MATTERS" untuk menghasilkan proposal geran FRGS yang berkualiti telah dijalankan pada 12 Januari 2023. Panel jemputan bagi bengkel pada bengkel ini adalah Prof Madya Dr. Radin Maya Saphira Radin Mohamed, Prof Madya Mohd. Adib Mohamad Radzi dan Prof Madya Adel Ali Gheeti yang sangat berpengalaman di dalam permohonan FRGS. Perkongsian yang sangat bermanfaat merangkumi tips penulisan proposal yang efektif, serta kaedah bibliometrik di dalam menghasilkan proposal yang berkualiti. Usaha Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI) ini adalah bertujuan untuk meningkatkan peratusan pencapaian geran FRGS di kalangan penyelidik FKAAB. Semoga penyelidik FKAAB terus kekal cemerlang.



"FRGS MATTERS"

Thursday | 12th January 2023
10:00 - 3:30pm
Meeting Room 1, FKAAB

Speaker:

- ASSOC. PROF. Ts. CHM. Dr. RADIN MAYA SAPHIRA BINTI RADIN MOHAMED
- ASSOC. PROF. Ir. Dr. MOHD ADIB BIN MOHAMMAD RAZI
- ASSOC. PROF. Ts. Dr. ADEL ALI SAEED ABDUH ALGHEETHI

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Fkaab UTHM | Fkaab UTHM Johor Malaysia | <http://fkaab.uthm.edu.my> | Global Technopreneur University 2020



BENGGEL PEMANTAPAN STRATEGI PENYELIDIKAN DAN INOVASI FKAAB 2023

Bengkel Pemantapan Strategi Penyelidikan dan Inovasi FKAAB 2023 anjuran Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) telah dijalankan pada 2-5 Februari 2023. Bengkel selama 3 hari 2 malam yang telah dilaksanakan di Bayou Lagoon Resort, Melaka ini telah hadiri oleh seramai 23 orang yang terdiri daripada ketua Pusat Kecemerlangan (COE), ketua-ketua Pusat Penyelidikan (COR) dan Kumpulan Fokus (FG). Antara objektif utama bengkel ini adalah untuk membantu memantapkan strategi penyelidikan dan inovasi FKAAB bagi tahun 2023.



BENGGKEL EDITOR PERSIDANGAN ISCEE2022

Bengkel Editor bagi Persidangan Antarabangsa ISCEE 2022 anjuran Jawatankuasa 4th International Symposium of Civil and Environmental Engineering 2022, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) telah dijalankan pada 3-7 hb Januari 2023. Bengkel selama 3 hari yang telah dilaksanakan di Hotel Straits and Suites, Melaka ini telah hadiri oleh seramai 16 orang ahli jawatankuasa bagi membantu proses suntingan kertas prosiding untuk tujuan melicinkan proses penerbitan kertas prosiding hasil persidangan yang telah berlangsung pada 3 dan 4 hb Oktober 2022. Objektif bengkel ini telah tercapai dengan sejumlah 101 mansukrip telah disunting bagi tujuan penerbitan ke IOP Conference Series: Earth and Environmental Science dan 19 manuskrip ke International Journal of Integrated Engineering (IJIE).

Disediakan oleh:

Dr Mohammadd Nasir M Taher
 Ahli Jawatankuasa
 ISCEE 2022



FROM GOOD TO GREAT (MASTERING THESIS WRITING)

Date : 22 June 2023
Time : 8:00am - 5:00pm
Venue : Meeting Room 1 & 2,
 FKAAB
Presenter : Mr. Ts. Khairol
 Kamaruddin
Participant : 60 (30 – postgraduate &
 30 – undergraduate
 students)

FROM GOOD TO GREAT was held on 22 June 2023. This workshop was organized by the Department of Postgraduate Studies, Faculty of Civil Engineering & Built Environment (FKAAB), Civil Engineering Club (KKA), and Civil Engineering & Built Environment Postgraduate Students (CiBPS). To guide students in preparing a thesis with the correct format and guidelines. This workshop has designed a free template for students and a guide on using Mendeley.

Disediakan oleh:

Ts Khairol Kamaruddin
 Presiden
 CiBPS





SHARING TIPS FOR JASTIP FUND APPLICATION


Monday | 9th January 2023
12:00 - 1:00pm

Google Meet
<https://meet.google.com/fnr-kqit-efv>

Speaker:
PROF. MADYA Ts. ChM. Dr. RADIN MAYA SAPHIRA BINTI RADIN MOHAMED

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

Fkaab UTHM | Fkaab UTHM Johor Malaysia | <http://fkaab.uthm.edu.my> | Global Technopreneur University 2023




Radin Maya Saphira Binti Radin Mohamed is presenting

ISSUE/PROBLEM STATEMENT

- Production using agricultural products as raw materials generates some quantities of agricultural solid wastes.
- About 280 million tons of waste in ASEAN from oil palm, sugarcane, coconut, rubber and rice industries with accompanying health risks and threat to ecosystems.
- Agricultural wastes produced in large tons and burnt in open-field or allowed to accumulate in some developing countries may be channelled toward biomass generation.

12:12 PM | Sharing JASTIP



Radin Maya Saphira Binti Radin Mohamed is presenting

ABOUT THE PROJECT


Facilitating dialogue between stakeholders and policy-makers to avoid conflicts, leading into the SDG 13 (Climate Action) and SDG 15 (Life on Land) targets.

Project Title:
A Study of the Impact of Agricultural Waste on the Environment and the Role of Sustainable Technology in Reducing and Preventing the Impact

Project Leader:
Associate Professor Dr. Radin Maya Saphira Binti Radin Mohamed

Members:
• Head of the International Research Centre (IRC) UTHM
• Institute of Integrated Engineering Faculty of Civil Engineering & Built Environment, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
• Faculty of Applied Sciences, UTHM
• Faculty of Environmental Engineering, UTHM
• Institute of Environmental and Ecological Engineering, UTHM

12:12 PM | Sharing JASTIP



Radin Maya Saphira Binti Radin Mohamed is presenting

12:12 PM | Sharing JASTIP

SHARING TIPS FOR JASTIP FUND APPLICATION


Satu sesi perkongsian berkenaan dengan Geran JASTIP -Japan-ASEAN Science, Technology and Innovation Platform (JASTIP): Promotion of Sustainable Development Research” telah dilaksanakan secara atas talian pada 9 Januari 2023. Prof. Madya Ts ChM. Dr. Radin Maya Saphira bt. Radin Mohamed telah berkongsi pengalaman beliau di dalam permohonan geran ini. Beliau merupakan penerima geran JASTIP bagi tahun 2022. Seramai 24 orang staf akademik daripada Fkaab dan Pusat Pengajian Diploma telah hadir di dalam sesi ini. Perkongsian selama hampir sejam ini diharapkan memberi manfaat kepada staf akademik dan membantu permohonan geran ini. “Japan-ASEAN Science, Technology and Innovation Platform (JASTIP): Promotion of Sustainable Development Research” telah diperkenalkan sejak tahun 2015 oleh Univerisi Kyoto dengan Kerjasama Hubs for International Research Program (CHIRP) dengan penajaan oleh Strategic International Collaborative Research Program (SICORP) of Japan Science and Technology Agency (JST). Dengan perkongsian sebegini diharapkan lebih banyak permohonan daripada ahli akademik bagi membantu meningkatkan bilangan geran antarabangsa FKAAB dan UTHM.

DEMO ALAT AKUSTIK DAN PENCAHAYAAN

Tarikh : 16 May 2023
Masa : 2.30 pm
Tempat : Makmal Perkhidmatan Bangunan
Panel : Ts. Dr. Tong Yean Ghing
Dr. Emedya Murniwaty
Samsudin
En. Osman Abdul Rahman
Peserta : Pelajar tahun akhir yang mengambil kursus BFB 41103 Acoustics and Lighting

Sesi demo penggunaan alat pengukuran bunyi dan cahaya telah dijalankan oleh Ts. Dr. Tong Yean Ghing, Dr. Emedya Murniwaty Binti Samsudin dan Encik Osman Bin Abdul Rahman kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus BFB 41103 Acoustics and Lighting. Pengukuran bunyi termasuklah background noise dan reverberation time yang merupakan parameter yang penting dalam keselesaan akustik dalam sesebuah ruang/ bilik. Alat yang digunakan termasuklah Brüel & Kjør Type 2250 Sound Level Meter, Omni-directional sound source, Amplifier dan Wireless audio transmitter. Pelajar didedahkan dengan cara cerapan parameter bunyi tersebut disamping dapat memahami prinsip teori yang telah dibelajari di dalam kelas. Pelajar juga diterangkan dengan penggunaan alat 4 in 1 meter kit untuk membuat pengukuran pencahayaan dalam sesebuah bilik.





"INDUSTRIAL TALK ON VARIOUS TYPES OF STEEL FIBER REINFORCEMENT CONCRETE APPLICATION"

Date : 23 May 2023
Time : 10:00am - 12:00pm
Venue : Bilik tayangan aras 8, Fkaab & Microsoft Team
Presenter : Mr. Peter Chan Farn Her
Participant : 28

Various types of steel fiber reinforcement concrete application (Industrial Talk) were held on 23 May 2023. This event was organized by the Department of Postgraduate Studies, Faculty of Civil Engineering & Built Environment, and Civil Engineering & Built Environment Postgraduate Students (CiBPS) in with cooperation United Glory Industry. Dramix steel fiber concrete reinforcement is a sustainable building material that offers an efficient and versatile solution that has proven its merits in the most demanding structures and applications. It is the perfect alternative to installing mesh or rebar, saving time and cost in performing concrete.

BENKEL PENERBITAN BUKU TEKS FKAAB

Pada 18 Jun 2023 yang lalu, bertempat di Bilik mesyuarat 1, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAB), UTHM, satu bengkel Penerbitan Buku Teks telah diadakan di peringkat fakulti anjuran Komiti Inovasi dan Penyelidikan, FKAAB. Ahli jawatankuasa program yang terlibat termasuk Ir Ts Dr Mohd Firdaus bin Md Dan @ Azlan, Dr Fizal bin Pakir dan Dr Nurul Hidayah bt Mohd Kamaruddin. Objektif utama bengkel ini diadakan bertujuan menyemak dan merancang strategi bagi menyiapkan penulisan buku teks melibatkan beberapa orang pensyarah FKAAB yang terpilih. Fasilitator yang dijemput bagi membantu penulis-penulis fkaab dalam menyiapkan penulisan buku teks ialah Pn Noor Khazanah binti A Rahman, Jurutera Pengajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Antara pensyarah yang terlibat dalam bengkel ini ialah Prof Madya Ts Dr Rafidah bt Ramdan, Prof Madya Ir Dr Norwati bt Jamaluddin, Prof Madya Ir Dr Mohd Adib bin Mohammad Razi, Ir Ts Dr Mohd Firdaus bin Md Dan @ Azlan dan Ts Dr Rosnawati bt Kuhari. Dalam bengkel ini, beberapa orang pensyarah telah membentangkan progress buku teks yang telah ditulis dan telah disemak serta dibincangkan bersama dengan fasilitator. Beberapa persoalan dan penyelesaian kepada beberapa masalah telah berjaya diselesaikan. Sebagai sasaran fakulti, sekurang-kurangnya dua buah buku teks perlu diterbitkan pada tahun 2023.





PELAJAR

PROGRAM GEOTECHNICAL ENGINEERING FESTIVAL (GEOFEST) 2023 OLEH PARA PELAJAR TAHUN 2 PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA, FKAAB.'



Bagi melahirkan para graduan Program Sarjana Muda Kejuruteraan Awam yang memiliki daya berfikir secara kreatif, satu Program anjuran Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) iaitu Program Geotechnical Engineering Festival (GEOFEST) 2023 telah dijalankan pada 6 Jun 2023. Program yang berfokuskan kepada salah satu cabang bidang kejuruteraan awam iaitu geoteknik ini terbahagi kepada dua sesi, iaitu sesi pertama di sebelah pagi merupakan sesi pembentangan model oleh pelajar

dan penilaian oleh panel yang telah ditetapkan. Manakala pada sesi kedua di sebelah petang diadakan 2 slot ceramah perkongsian teknikal (Technical Talk). Sesi yang pertama menjadi cabaran buat para pelajar tahun 2 yang mengambil kursus Geoteknik II (BFC35403) untuk menerbitkan buah fikiran dan menjelmakannya dalam pembuatan model berkenaan cara atau kaedah penyelesaian masalah dalam pembinaan di atas kawasan tanah yang bermasalah. Ilmu dan pengetahuan berkaitan pengukuhan tanah berdasarkan jenis

dan sifatnya sebagaimana yang telah dipelajari daripada kursus BFC35403 dan BFC34403 (Geoteknik I) digunakan dan diaplikasikan dalam program ini. Sebanyak 91 kumpulan yang melibatkan 452 orang pelajar telah terlibat pada sesi yang pertama ini. Bagi memastikan proses penilaian dibuat secara profesional, 4 orang Panel Penasihat Industri FKAAB dan 7 orang panel yang berlatarbelakangkan kejuruteraan awam dan khususnya geoteknik daripada pelbagai organisasi atau agensi di luar UTHM seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREATE), Construction Research Institute of Malaysia (CREAM)

dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah dijemput dan hadir sebagai sebahagian panel penilai, disamping 18 orang tenaga akademik FKAAB juga turut terlibat dalam penilaian ini.



Seterusnya sesi kedua di sebelah petang dijalankan secara hybrid iaitu secara fizikal dan dalam talian. Slot yang pertama dengan tajuk Ground Improvement at UTHM ini disampaikan oleh Prof. Ir. Dr Ramli Bin Nazir yang merupakan Ahli Kehormat Geotropik UTM. Manakala slot kedua yang disampaikan oleh Ts. Dr. Haji Mohd Khairolden Bin Ghani, Pengurus Pembangunan Mapan, Construction Research Institute of Malaysia (CREAM) membincangkan peranan CREAM



dalam mempromosikan pembangunan yang mapan dan berdaya tahan. Sesi ini melibatkan penyertaan seramai 209 orang yang terdiri daripada pelajar UTHM daripada pelbagai fakulti, pensyarah UTHM, pelajar daripada universiti-universiti tempatan yang lain dan beberapa kakitangan agensi-agensi luar.

Menurut Ts. Dr Zeety Binti Md Yusof, yang merupakan Pengarah Program GEOFEST 2023 ini, program ini diadakan bagi memupuk minat pelajar-pelajar dalam bidang geoteknik dan membina semangat kerjasama antara pelajar. Dengan kerjasama erat di antara barisan para pensyarah dan ahli jawatan kuasa yang terdiri daripadan 20 orang pelajar program ini telah berlangsung dengan jayanya. Diharapkan program ini dapat terus dijalankan pada semester-semester yang seterusnya dengan beberapa penambahbaikan yang mampu mencetuskan impak-impak yang baik dan bermanfaat.





SCORE IN MUET 3.0

Tarikh : 23 Mac 2023
Masa : 9.00am – 5.00pm
Tempat : Atas talian (ZOOM)
Tetamu : En. M. Ashraf Omar
Peserta : 48 peserta

Program Score in MUET 3.0 ini dijalankan bagi mendedahkan para pelajar yang bakal menjalani peperiksaan MUET kepada modul writing dan speaking yang merupakan antara kriteria penilaian peperiksaan MUET. Program ini mensasarkan pelajar tahun 3 dan tahun 4 yang masih belum lulus MUET tahap 3. Program ini turut membantu pelajar lebih bersiap-sedia dari segi intelektual, fizikal, emosi, dan rohani bagi menghadapi peperiksaan.


Penceramah jemputan, iaitu En Muhammad Ashraf telah berkongsi ilmu mengenai strategi untuk menjawab soalan dengan baik dan teratur dalam penilaian peperiksaan writing dan speaking. Beliau turut mengajar peserta yang hadir bagaimana untuk menjawab setiap pecahan soalan yang diberikan dengan betul. Program ini berlangsung dari jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang mengikut tentatif yang dijadualkan.

ALUMNI INDUSTRIAL TALK

Tarikh	: 15 April 2023
Masa	: 9.00am – 11.00am
Tempat	: Secara dalam talian (Microsoft Team dan Facebook Live KKA)
Tetamu	: Ir. Mohamad Zaki Majid Hajar Shahirah Che Ariffin
Peserta	: Pelajar Sarjana Muda Kej. Awam (BFF)

Program anjuran Kelab Kejuruteraan Awam (KKA), FKAAB, UTHM yang telah dijalankan secara dalam talian ini melibatkan dua orang panel jemputan yang merupakan alumni FKAAB, UTHM. Perkongsian dari dua panel jemputan dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama adalah bersama dengan Ir. Mohamad Zaki B. Majid, merupakan alumni sejak 2003, dan menerajui Zaki Engineers Sdn. Bhd. sebagai Pengarah. Beliau memberikan pendedahan mengenai industri pembinaan secara keseluruhan dan pihak-pihak yang berkepentingan di dalam industri, tanggapan dan jangkaan pihak majikan terhadap graduan serta realiti alam

pekerjaan dalam bidang pembinaan dan perundingan. Turut juga dikongsikan adalah pengalaman beliau mendapatkan kelayakan dan pengiktirafan sebagai jurutera profesional. Sesi berikutnya diteruskan oleh Cik Hajar Shahirah Binti Che Arifin, yang baru sahaja bergraduan pada 2022, dan kini merupakan seorang Jurutera di Sepakat Setia Perunding (SSP) Sdn. Bhd. Beliau menjelaskan skop perjawatan dan bidang yang boleh diceburi oleh graduan kejuruteraan awam. Beliau turut berkongsi strategi dan tips membina kerjaya sejak dari awal, termasuk membuat perancangan yang baik untuk menjalani latihan industri dan memasuki alam pekerjaan sebagai sebahagian usaha ke arah menjadi seorang jurutera professional. Sesi soal jawab yang sangat memberangsangkan berlaku antara peserta dan panel di akhir sesi tersebut. Sesi perkongsian ini mendapat sambutan yang membanggakan oleh pelajar iaitu sekitar 115 orang khususnya di kalangan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam FKAAB.



PROGRAM MAHABBAH INSAN

Tarikh : 20 Mei 2023
Masa : 8.00am – 2.00pm
Tempat : Pusat Jagaan Kasih
Setanggi, Johor Bahru
Tetamu : Dr. Sushilawati binti Ismail
Peserta : Ahli Jawatankuasa
Program

Program Mahabbah Insan merupakan sebuah program yang dianjurkan oleh Kelab Kejuruteraan Awam (KKA) yang membuka peluang untuk mahasiswa/i dalam mengasah kemahiran mahasiswa/i dari segi skop kepimpinan dan keprihatinan terutamanya dalam membuat kerja amal dan aktiviti bersama anak-anak yatim di Pusat Jagaan Kasih Setanggi, Johor Bahru, Johor. Penganjuran program sebegini adalah salah satu inisiatif kepada mahasiswa/i untuk belajar dan mendapatkan pengalaman untuk membiasakan diri dengan suasana kerja berkumpulan, beriadah bersama dan membantu golongan kurang bernasib baik. Jabatan Kebajikan dan Khidmat Sosial dari Kelab Kejuruteraan Awam melaksanakan program ini dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang bermanfaat bersama anak-anak yatim bagi memastikan mahasiswa/i sentiasa cakna akan kerja dan tugas sebagai seorang insan agar lebih prihatin dan peka terhadap golongan yang kurang bernasib baik dan juga melahirkan mahasiswa/i yang berintegriti tinggi.

Program dimulai dengan sesi senaman tarian Chicken Dance bersama penghuni

Pusat Jagaan Kasih Setanggi. Kemudian, para peserta telah dipecahkan kepada beberapa kumpulan kecil yang terdiri daripada 5 hingga 6 kanak-kanak dalam satu kumpulan sebelum memulakan aktiviti mewarna. Ahli jawatankuasa program turut memasak juadah makan tengahari untuk dihidangkan kepada penghuni Pusat Jagaan Kasih Setanggi. Program diakhiri dengan pemberian cenderahati kepada anak-anak yatim Pusat Jagaan Kasih Setanggi, penyerahan sumbangan dan plak penghargaan kepada pengetua Pusat Jagaan Kasih Setanggi, serta penyampaian ucapan penutup daripada pengetua Pusat Jagaan Kasih Setanggi dan pengiring Kelab Kejuruteraan Awam (KKA), Dr Sushilawati Ismail.

Program ini telah memberi ruang kepada mahasiswa untuk mendapatkan pengalaman dan berkongsi ilmu pengetahuan bersama anak-anak yatim. Selain itu, program Mahabbah Insan juga dilaksanakan untuk memberi sumbangan kepada golongan yang kurang berkemampuan dan bernasib baik, malah program ini dapat melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang bertanggungjawab dan peka terhadap golongan masyarakat yang kurang bernasib baik. Akhir sekali, program Mahabbah Insan ini dapat memberi impak dalam diri pelajar agar lebih cakna terhadap kesusahan atau masalah yang dialami oleh segelintir masyarakat dan wajar dilaksanakan lagi pada masa akan datang.



PROGRAM LAWATAN KE BETON MIX SDN BHD

Tarikh : 26 Mei 2023
Masa : 8.00am – 12.00pm
Tempat : Beton Mix Sdn Bhd
Pengiring : Dr. Sushilawati Binti Ismail
Peserta : 39 Pelajar FKAAB

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan dengan proses penghasilan konkrit mengikut nisbah acuan yang digunakan di batching plant. Semasa sesi lawatan ke sekitar kawasan plant, pihak Beton Mix Sdn Bhd telah menunjukkan kerja-kerja yang dilakukan di batching plant seperti ujian kiub, ujian slump serta proses penghasilan konkrit mengikut gred konkrit. Selain itu, pengurus syarikat Beton Mix Sdn Bhd juga telah berkongsi ilmu mengenai nisbah penghasilan konkrit berdasarkan jenis struktur, serta menerangkan kaedah yang betul bagi membuat ujian kiub dan slump. Program ini telah berjaya mencapai objektifnya di mana para pelajar telah mendapat ilmu yang banyak melalui sesi penerangan yang dijalankan di plant. Para peserta juga berpendapat program seperti ini perlu dilaksanakan lagi pada masa akan datang.





PROGRAM LET'S CLEAN UP

- Tarikh** : 20 Mei 2023
Masa : 8.00am – 12.00pm
Tempat : Masjid Jamek Riyahdus Solihin, Parit Raja, Batu Pahat
Tetamu : Dr. Emedya Murniawaty Samsudin
Peserta : 37 pelajar UTHM dan 5 orang AJK masjid

Program ini telah dianjurkan bagi melahirkan rasa tanggungjawab mahasiswa/ mahasiswi UTHM terhadap kebersihan alam sekitar. Melalui program ini, pelajar telah terlibat dalam aktiviti gotong-royong bagi membersihkan kawasan luar dan dalam masjid bersama beberapa orang AJK masjid. Program ini merupakan tunjang dalam memperkasakan serta memperkukuhkan lagi peribadi mahasiswa dalam menerajui serta memimpin diri sendiri dengan melengkapkan personaliti bukan hanya berpegang pada status akademik yang cemerlang semata-mata tetapi dari sudut kerohanian juga. Program ini diharapkan dapat mendidik hati para mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam aspek sentiasa menjaga kebersihan dan sentiasa beramah mesra dengan masyarakat setempat.

PROGRAM COLORING FUN RUN

Tarikh : 27 Mei 2023
Masa : 7.30am – 11.00am
Tempat : Padang Ragbi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Tetamu : Prof. Madya Ts. Dr. Azeanita binti Suratkon
Peserta : 254 orang pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia


Pada masa kini, fun run adalah trend yang telah menjadi sangat popular di kalangan golongan belia Malaysia. Fun run merupakan satu program larian santai yang kebiasaan jaraknya adalah antara 3km, 5km atau mungkin 8km. Dalam aktiviti fun run ini, peserta hanya perlu berlari dalam keadaan santai mengikut jarak yang ditetapkan. Namun tiada masa yang direkodkan dan peserta tetap akan mendapat medal setelah acara tamat. Aktiviti merupakan salah satu cara beriadah selain beramah-mesra dengan orang lain.

Justeru itu, KKA telah menganjurkan

Program Coloring Fun Run bagi memberi peluang kepada semua pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk berkenalan antara sama lain serta secara tidak langsung dapat mengeratkan silaturrahim antara pelajar yang datang dari pelbagai fakulti. Program telah dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, baccan doa, taklimat keselamatan dan senamrobik. Acara flag off bagi aktiviti fun run telah dimulakan pada pukul 8.10 pagi. Cut off time adalah selama 2 jam. Program diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah dan cenderahati oleh Timbalan Dekan HEPA FKAAB, iaitu Prof Madya Ts Dr Azeanita Binti Suratkon.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan baik oleh para pelajard dari pelbagai fakulti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Diharapkan, program seperti ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang.





SAFETY INDUCTION FOR CONSTRUCTION WORKERS BY CIDB 2023

Tarikh	: 19, 20, 26 Mei dan 02 Jun 2023
Masa	: 8.30 pagi – 4.30 petang
Tempat	: Bilik Seminar 2, B6 dan Bilik Seminar 1 FKAAB
Tetamu	: En. Aerry Bin Safi'i
Peserta	: Mahasiswa UTHM

Program ini dianjurkan untuk pelajar FKAAB yang bakal menjalani latihan industri dalam masa terdekat. Kelab Kejuruteraan Awam (KKA) telah menjemput penceramah bertauliah dari Construction Industry Development Board (CIDB) Johor, En Aerry Bin Safi'i bagi memberikan taklimat mengenai keselamatan di tapak pembinaan. Pada sesi pagi, penceramah telah menerangkan asas keselamatan dan bahaya di tapak pembinaan. Manakala, di sesi petang pula, penceramah telah menerangkan fungsi dan kepentingan memiliki kad CIDB sebelum memasuki dan melakukan kerja di tapak pembinaan. Secara keseluruhannya, program ini berjalan dengan baik dan lancar atas kerjasama para AJK dan peserta. Program ini berjaya mendapat sambutan dengan kehadiran seramai 104 pelajar sepanjang 4 hari berlangsung dan berharap agar program ini diteruskan pada masa akan datang.

PROGRAM LAWATAN AKADEMIK KE JAMBATAN SUNGAI JOHOR

Tarikh : 08 Jun 2023
Masa : 8.00am – 2.00pm
Tempat : Jambatan Sungai Johor,
Senai–Desaru Expressway
Pengiring : Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Nor
Haslinda Binti Abas
Peserta : 30 Pelajar FKAAB

Program lawatan akademik ke Jambatan Sungai Johor merupakan satu inisiatif bagi memberi pendedahan kepada mahasiswa/i mengenai sistem struktur dan penyelenggaraan bagi sesebuah jambatan kabel. Penglibatan para pelajar di dalam program ini dapat membantu dalam menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman mereka dalam situasi sebenar sektor pekerjaan.

Para peserta telah tiba di pejabat Senai-Desaru Expressway Sdn Bhd (SDE) pada pukul 10.00 pagi dan disambut dengan mesra oleh kakitangan syarikat SDE. Program dimulakan dengan sesi perkongsian oleh Ts. Syed Ahmad Fairuz

Bin Syed Abdul Aziz (Head, Engineering & Maintenance) mengenai latar belakang Lebuhraya Senai-Desaru dan maklumat teknikal/rekabentuk jambatan kabel. Seterusnya, para peserta telah dibawa melawat ke kawasan Jambatan Sungai Johor di mana para peserta dapat melihat sendiri struktur dalam jambatan yang menggunakan komponen konkrit pre-stress.

Program ini telah mendedahkan pelajar kepada ilmu pengetahuan yang baru kerana mereka dapat melihat secara realiti keadaan di tapak sebenar pembuatan jambatan dan mengenali elemen-elemen yang ada di dalam jambatan tersebut. Hal ini juga kerana mahasiswa/i hanya mempelajari teori di dalam buku dan tidak mengetahui keadaan sebenar di tapak pembinaan. Oleh itu, penglibatan mahasiswa/i amat penting dalam sesuatu program seperti ini kerana dapat meningkatkan kemahiran mereka.



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SINGLE CABLE STAYED BRIDGE

LIMITED TO 30 PARTICIPANTS ONLY!!!

TRIP TO SUNGAI JOHOR BRIDGE

E-CERT & SMAP PROVIDED!

DATE : 8 JUNE 2023
TIME : 7:00 AM - 12:00PM
VENUE : JAMBATAN SUNGAI JOHOR, SENAI - DESARU EXPRESSWAY

ANY INQUIRIES CAN CONTACT:
NURIN : 018-3912373
IZZUAN : 016-2135629

SCAN TO REGISTER

KELAB KEJURUTERAAN AWAM
FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA

EMAIL: kka@uthm.edu.my



MYTREEVOLUTION & TREE PLANTING WITH CANCER SURVIVOR

Tarikh : 10 Jun 2023
Masa : 8.00 pagi – 12.30 petang
Tempat : Hutan Simpan Ayer Hitam Utara
Peserta : Ahli Kelab Kejuruteraan Awam (KKA), ahli Sekretariat Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (SYKTLJ), penasihat KKA, kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Pada 10 Jun 2023, satu program khidmat masyarakat bertajuk 'Mytreevolution & Tree Planting with Cancer Survivor' telah diadakan di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara, Johor. Program ini merupakan program kerjasama antara KKA, SYKTLJ dan JPNJ. Program ini diadakan dengan tujuan memenuhi tuntutan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok iaitu program penghijauan Malaysia peringkat negeri Johor. Para peserta telah bersama-sama menanam anak pokok Salam (Syzgium Polyanthum) di kawasan Hutan Simpan Ayer Hitam Utara bagi menerapkan kepentingan kehijauan dalam alam sekitar kita. Peserta dapat merasai pengalaman menanam sendiri anak pokok Salam di kawasan tersebut.

Seterusnya, para peserta telah dibawa menelusuri kawasan Hutan Simpan dengan dipandu oleh kakitangan JPNJ. Para peserta telah diberi penerangan mengenai spesis flora dan fauna yang terdapat di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara.





CONCRETE TALK

Tarikh : 19 Mei 2023
Masa : 8.00am – 12.00pm
Tempat : Bilik Seminar 1 FKAAB
Penceramah: Dr Nurazuwa Binti Md Noor
Peserta : 32 Pelajar FKAAB

Program ini dianjurkan bagi mendedahkan para pelajar, khususnya dalam bidang kejuruteraan awam, terhadap penggunaan konkrit dalam industri pembinaan. Dalam ceramah yang disampaikan oleh Dr Nurazuwa Md Noor ini, pelajar telah dapat mempelajari jenis reka bentuk campuran konkrit yang digunakan di industri serta jenis reka bentuk bancuhan konkrit yang digunakan berdasarkan jenis projek. Penceramah turut berkongsi ilmu serta idea mengenai penambahbaikan produk konkrit sedia ada yang boleh digunakan pada masa akan datang. Berdasarkan borang maklum balas yang telah diisi oleh para peserta, mereka sangat berpuas hati dengan penganjuran program ini. Program ini telah meningkatkan kefahaman para peserta dalam sesi pembelajaran yang berkaitan dengan penghasilan konkrit dan aplikasinya di industri pembinaan. Di samping itu, tahap kepuasan peserta berada dalam tahap yang memuaskan dan sangat memuaskan kerana adanya soalan-soalan peserta yang diajukan kepada penceramah. Secara keseluruhan program ini mendapat sambutan baik daripada pelajar dan berharap agar program sebegini diadakan untuk masa hadapan.

PROGRAM KOLABORASI KKA UTHM & PEKA UTM

Tarikh : 24 Jun 2023
Masa : 8.00am – 5.00pm
Tempat : UTM Skudai, Johor
Peserta : 25 orang Ahli Kelab
Kejuruteraan Awam (KKA)
yang terlibat iaitu Majlis
Tertinggi, Ketua Jabatan,
Timbalan Ketua Jabatan
dan ahli KKA

Program ini dijalankan bagi membina hubungan yang baik dan perancangan kerjasama antara KKA dengan PEKA UTM. Kedua-dua pihak telah mengadakan perbincangan mengenai aktiviti atau program yang telah dijalankan oleh kedua-dua kelab serta memberi padangan dan idea terhadap program yang dapat memberi impak kepada kelab dan mahasiswa/i FKAAB UTHM. Antara perkara yang telah dibincangkan adalah tugas dan fungsi setiap Jabatan KKA UTHM dan PEKA UTM bagi mengetahui skop kerja dan fungsi Jabatan tersebut ditubuhkan. Seterusnya, pembentangan aktiviti dan program yang telah dijalankan oleh KKA UTHM & PEKA UTM sepanjang sesi 2022/23 dan memfokuskan kepada impak program yang telah dilakukan kepada mahasiswa/i serta cadangan program yang akan dijalankan. Selain itu, kedua-dua kelab juga telah berbincang mengenai program yang mampu menarik minat para mahasiswa/i dengan mengikut peredaran masa terkini. intipati dan hasil dari perbincangan kedua-dua kelab ini akan dapat digunakan bagi merancang program-program yang berimpak tinggi pada sesi akan datang.





STAFF

PROFESSIONAL CERTIFICATE



UTHM 30
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Congratulations

ASSOC. PROF. Ir. Ts. Dr. NOR HASLINDA BINTI ABAS

for being certified as

Professional Engineer

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

f t Fkaab UTHM i Fkaab UTHM Johor Malaysia g http://fkaab.uthm.edu.my

Global Technopreneur University 2030



UTHM 30
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Congratulations

Ir. TS. Dr. MOHD FIRDAUS BIN MD DAN@AZLAN

for being certified as

Professional Engineer

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT

f t Fkaab UTHM i Fkaab UTHM Johor Malaysia g http://fkaab.uthm.edu.my

Global Technopreneur University 2030

FKAAB | *Dengan Hikmah Kita Meneroka*

PROFESSIONAL CERTIFICATE




Congratulations

Ir. Dr. MOHD KHAIDIR BIN ABU TALIB

for being certified as

Professional Engineer

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT


 Fkaab UTHM
  Fkaab UTHM Johor Malaysia
  <http://fkaab.uthm.edu.my>

 Global Technopreneur University 2030




Congratulations

Ir ChFM Dr Mohd Norazam bin Yasin

for being awarded

Chartered Facilities Manager

from

**Global Economy of Finance Management,
United States of America**

sincerely

FACULTY OF CIVIL ENGINEERING AND BUILT ENVIRONMENT


 Fkaab UTHM
  Fkaab UTHM Johor Malaysia
  <http://fkaab.uthm.edu.my>

 Global Technopreneur University 2030

BENGGEL PENYEDIAAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) FKAAB 2023

Bertempat di Noble Hotel Melaka, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) telah berjaya menganjurkan Bengkel Sasaran Kerja Tahunan FKAAB pada 26 hingga 28 Januari 2023. Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 25 orang staf yang terdiri daripada pengurusan tertinggi fakulti, ketua-ketua pusat penyelidikan dan ahli-ahli di bawah portfolio berkaitan.

Tujuan utama bengkel ini adalah untuk merancang dan menyelaraskan setiap program, tindakan dan aktiviti yang akan menyumbang kepada pencapaian SKT UTHM bagi tahun 2023. Selain merancang strategi dan pelan tindakan staf FKAAB, bengkel ini juga turut membincangkan pelaksanaan program-program pelajar berimpak tinggi yang akan dilaksanakan pada tahun 2023. Program ini penting bagi melahirkan pelajar yang berdaya saing, kreatif dan inovatif. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Dekan FKAAB iaitu Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Irwan bin Juki.

Antara inti pati bengkel ini adalah sesi pembentangan pencapaian SKTU 2022, perancangan program, aktiviti dan tindakan mengikut portfolio timbalan-timbalan dekan seterusnya sesi pembentangan.

Semoga dengan penganjuran bengkel ini, FKAAB akan terus maju jaya dan kekal bersemangat bagi mencapai setiap sasaran yang telah ditetapkan oleh UTHM.





KOMUNITI

PROGRAM '4R@COMMUNITY' FKAAB RAPATKAN HUBUNGAN DUA NEGARA

Bagi merapatkan hubungan universiti-komuniti antara dua negara, dua pensyarah dan 10 pelajar sarjana muda Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan program mobiliti antarabangsa melibatkan kerjasama Universitas Mercu Buana (UMB), Jakarta. Program berbentuk pemindahan ilmu yang bertajuk '4R@Community' itu diadakan di Sekolah Madrasah Ibtidaiyah (MI) Alam Robbani yang terletak di Jatisampurna, Bekasi, Jawa Barat, Indonesia pada 12 Mei 2023 lalu.

Menurut penyelaras program, Prof. Madya Ts. Dr. Rafidah Hamdan pelaksanaan program anjuran bersama Pejabat Kampus Lestari (SCO) dan Pusat Kecemerlangan Pencemar Mikro (MPRC) itu ditaja oleh Pejabat Antarabangsa UTHM, UMB serta pihak MI. Tambah beliau, program 4R@Community itu juga diadakan bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai murni kepada generasi muda iaitu reduce, reuse, recyle dan recovery dalam menguruskan sisa harian.

"Dengan berkonsepkan Waste to Wealth, pihak kami mengitar semula sisa makanan menjadi sesuatu yang lebih berharga iaitu kompos," katanya.

Sementara itu, Profesor Madya Dr. Nur

Shaylinda Mohd Zin yang mengetuai sesi demo penyediaan baja kompos pula berkata melalui program itu, transformasi sisa makanan kepada produk lain dapat dilakukan secara hands-on, di samping dapat mengalakkan lagi budaya kitar semula sisa dalam kalangan masyarakat dan melupuskannya di tempat pelupusan sampah.

"Penganjuran program mobiliti antarabangsa itu bukan sahaja memberi manfaat kepada pihak sekolah, namun turut memberi pengalaman baharu kepada para pelajar untuk berinteraksi dengan komuniti setempat," katanya.

Selain itu, program itu juga memberi peluang kepada pelajar untuk menjadi duta kecil bagi mempromosikan UTHM serta meningkatkan kemahiran generik yang hanya boleh didapati di luar waktu kuliah.

Manakala para pensyarah pula berpeluang meningkatkan jaringan antarabangsa serta meningkatkan hubungan dua hala yang lebih baik antara dua universiti.

Penyelaras Program Pengabdian Kepada Masyarakat UMB, Dr. Isradi Muhammad berharap program seperti itu dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang. Pihaknya juga berhasrat untuk menjadikan Sekolah Alam Robbani sebagai sekolah binaan atau sekolah angkat UTHM.



PELAJAR FKAAB ANJUR PROGRAM '4R@COMMUNITY' BERSAMA SEKOLAH ANGKAT SK SERI REJO SARI

Bagi merapatkan hubungan universiti-komuniti antara, dua pensyarah dan 124 pelajar sarjana muda Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan program khidmat masyarakat bersama sekolah angkat fakulti.

Program berbentuk pemindahan ilmu yang bertajuk '4R@Community' itu diadakan di SekolahAngkat FKAAB iaitu Sekolah Kebangsaan Seri Rejo sari yang terletak di Senggarang, Batu Pahat, Johor pada 14 Jun 2023.

Menurut penyelaras program, Prof. Madya Dr. Nur Shaylinda Mohd Zin program anjuran bersama Pejabat Kampus Lestari (SCO) dan Pusat Kecemerlangan Pencemar Mikro (MPRC) itu adalah sebahagian daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus Kejuruteraan Persekitaran (BFC32403) bagi smester 2 sesi 2022/2023.

Tambahbeliau, program4R@Communityitu juga diadakan bertujuan untuk menerapkan

kesedaran kepada murid-murid berkaitan reduce, reuse, recyle dan recovery dalam menguruskan sisa harian. Disamping memberikan pendedahan kepada pelajar FKAAB dalam meningkatkan softskill sebagai bakal professional.

Sementara itu, Profesor Madya Ts. Dr. Rafidah Hamdan selaku pensyarah pengiring program pula berkata melalui program itu, kesedaran kepentingan 4R dapat dijelaskan kepada murid-murid secara hands-on, di dalam kumpulan-kumpulan kecil yang dapat memberikan interaksi secara dekat dan meningkatkan pemahaman murid-murid.

Manakala para pensyarah pula berpeluang meningkatkan jaringan bersama komuniti serta meningkatkan hubungan sekolah angkat FKAAB.

Guru Besar Sekolah Kebangsaan Seri Rejo Sari, En. Mohd Iswandy Bin Sahlan berharap pelbagai program kelestarian dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang.



PROJEK JANGKAUAN KOMUNITI UNTUK PENDIDIKAN MEKANIK BAHAN DI SMK SERI LALANG, KLUANG JOHOR

Pada 24 Mei 2023, telah berlangsungnya satu program SULAM di bawah Projek Jangkauan Komuniti untuk Pendidikan Mekanik Bahan yang dianjurkan oleh pelajar Kursus Mekanik Bahan (BFC20903 – Seksyen 8) dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Lalang, Kluang Johor.

Program ini bertujuan untuk memberi pengenalan dan pendedahan tentang kejuruteraan awam secara asas kepada pelajar SMK Seri Lalang selain dapat memupuk minat kepada Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM). Melalui program ini juga, pelajar UTHM yang terdiri daripada 45 pelajar dapat memahami teori yang dipelajari dan meningkatkan kemahiran insaniah. Pasukan UTHM diketuai oleh Cik Zahidah

Zamri (AF220146), Prof. Madya Ir Dr Norwati Jamaluddin selaku pensyarah pengiring dan enam (6) pensyarah pemerhati.

Program dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Cik Zahidah Zamri disusuli dengan knowledge transfer oleh Prof. Madya Ir Dr Norwati Jamaluddin. Seterusnya slot aktiviti berkumpul bersama fasilitator mengambil tempat sehingga selesai. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Pengetua SMK Seri Lalang, Tuan Mohd Sofian bin Mohd Aris, Cikgu Syuhada Fatim binti Harun dan guru-guru SMK Seri Lalang yang memberi ruang dan peluang dalam menjayakan program ini. Semoga kerjasama ini terus berkekalan demi kecemerlangan dunia pendidikan.





KHIDMAT MENGUKUR KELUASAN BANGUNAN DAN PAGAR MASJID JAMEK RIYADHUS SOLIHIN, PINTAS PUDING (CSR)

Tarikh : 1 – 3 Mac 2023
Tempat : Masjid Jamek Riyadhus Solihin, Pintas Puding
Komuniti : Memaah di masjid dan penduduk berdekatan

Penganjuran program ini adalah di bawah program khidmat masyarakat (CSR) di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) dengan kerjasama Center of Applied Geomatics for Disaster Prevention (CAGED). Program ini bertujuan untuk memberikan khidmat bantuan mengukur keluasan bangunan dan pagar Masjid Riyadhus Solihin, Pintas Puding bagi memudahkan pihak masjid membuat permohonan peruntukkan kewangan dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor bagi mengecat bangunan dan pagar masjid.



PROGRAM IKHLAS RAMADHAN (CESWEC) 2023 (CSR)

Tarikh : 10 April 2023
Tempat : Sekitar Batu Pahat
Komuniti : Mangsa bencana alam, masyarakat luar bandar dan warga OKU sekitar Batu Pahat

Program ini adalah dibawah Unit Amal CESWEC. Sumbangan berbentuk wang ringgit dan juga 40 bungkusan makanan asasi telah diedarkan kepada mangsa bencana alam, masyarakat luar bandar dan warga OKU sekitar Batu Pahat.

Disediakan oleh:
Dr. Norhafizah binti Salleh
Pengarah Program




KURSUS ASAS PENENTUAN ARAH KIBLAT (KTP)

Tarikh : 28 Mei 2023
Tempat : Atas talian
Masa : 3.00pm - 5.00pm
Komuniti : Guru-guru sekolah

Kursus asas penentuan arah kiblat ini telah diadakan sempena National Training Week pada 28 Mei 2023 secara atas talian kepada guru-guru sekolah angkat dan sekitar Batu Pahat secara percuma. Seramai 81 orang peserta telah mengikuti kursus asas tersebut.

Dalam kursus ini, guru-guru sekolah didedahkan dengan pelbagai kaedah bagi menentukan arah kiblat iaitu dengan kiraan matematik, kompas, buruj, bayangan matahari, istiwa a'zham dan aplikasi-aplikasi tertentu. Melalui kaedah ini, peserta yang terlibat iaitu guru sekolah boleh menyemak semula arah kiblat masing-masing dirumah dan kebetulan waktu istiwa a'zham jatuh pada hari yang sama bermula pada jam 5.00 petang.

Disediakan oleh:
PM Sr Dr Mustaffa Anjang Ahmad
Pengarah Program



PROGRAM MOTIVASI DAN KERJAYA OUTREACH BERSAMA PELAJAR SEKOLAH TIGS (CSR)

Tarikh : 18 April 2023
Tempat : Sekolah Menengah
Kebangsaan (Perempuan)
Temenggong Ibrahim
Komuniti : Pelajar sekolah TIGS

Program ini berlangsung selama 2 jam bermula jam 10 pagi sehingga 12 tengah hari dimana penceramah berkongsi pengalaman serta tips-tips untuk menjadi menjadi pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah. Penceramah juga berkongsi pengalaman bagaimana untuk memilih jurusan yang sesuai mengikut minat masing-masing. Pelajar juga didedahkan dengan elemen kesedaran kualiti air menggunakan pendekatan macroinvertebrata yang telah disampaikan oleh Dr Noramani Filzah Mohd Kamil.





SENTUHAN KASIH RAMADHAN (CSR)

Tarikh : 18 April 2023
Tempat : Wisma Yatim Batu Pahat
Komuniti : Anak-anak yatim Batu Pahat

Seramai 68 anak-anak yatim dirai dalam program 'Sentuhan Kasih Ramadan' anjuran Kelab Architecture Brigade dan Kelab Kebajikan Staf Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (CESWEC), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Kelab Kebajikan Staf Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (CESWEC) telah mengumpul sumbangan sebanyak RM 2,900.00. Program dengan kerjasama Wisma Yatim Batu Pahat itu diisi dengan majlis berbuka puasa, solat sunat tarawih dan penyampaian sumbangan tunai duit raya serta barangan keperluan diri kepada kumpulan anak yatim terbabit.

AIDING TOOLS FOR THE ELDERLY (CSR/SULAM)

Tarikh : 22 Mei 2023
Tempat : Pusat Jagaan Warga Tua Maimunah
Komuniti : Warga Tua di Pusat Jagaan Warga Tua Maimunah

Seramai 22 penuntut tahun satu program Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina, (FKAAB), berjaya menghasilkan reka bentuk prototaip alat bantuan untuk warga tua yang dibimbing oleh tiga pensyarah iaitu Pn. Nadiyah Noor Hisham, Dr. Azmal Sabil dan En. Nasrul Arif Ahmad Mahmud. Idea reka bentuk alat bantuan itu telah dipertontonkan dalam satu sesi demonstrasi di Pusat Jagaan Warga Tua Maimunah. Antara aspek yang dikaji adalah berkaitan dengan pergerakan yang terbatas, sokongan bagi keseimbangan ketika pergerakan dan juga aktiviti harian seperti memakai kasut dan baju.

Kumpulan sasaran adalah warga tua berumur 60 ke atas yang memerlukan alat bantuan bagi membantu mereka mengendalikan kehidupan seharian dengan lebih baik.





FKAAB | *Dengan Hikmah Kita Meneroka*



Fkaab UTHM



Fkaab UTHM
Johor Malaysia



<http://fkaab.uthm.edu.my>

